

# KEMUNDURAN MASYARAKAT MELAYU: PANDANGAN MAJALAH AL-ISLAH

Oleh:

Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid\*  
Hamidah binti Jalani\*\*

*faisal@um.edu.my*  
*hamidahjalani@yahoo.com.my*

## ABSTRAK

*Kemunduran orang Melayu adalah isu yang seringkali diungkapkan dan dari semasa ke semasa sejak zaman sebelum merdeka lagi. Pelbagai usaha dan rancangan telah dilaksanakan. Baik dari pihak kerajaan mahupun orang perseorangan cuba mencari punca dan penyelesaian bagi mengatasi permasalahan ini. Majalah al-Islah (Feb 1970 – Ogos 1974) turut sama membincangkan isu kemunduran orang Melayu ini dalam terbitannya sekitar tahun 70-an. Justeru itu, kertas ini akan memaparkan perbincangan majalah al-Islah mengenai isu kemunduran yang banyak dipengaruhi oleh salah faham orang Melayu terhadap ajaran agama Islam, dan juga akan mengenegahkan faktor-faktor yang menyebabkan orang Melayu terjerumus dalam kemunduran berdasarkan pandangan dan kritikan penulis-penulis artikel majalah al-Islah. Kesimpulannya, kertas ini mencadangkan beberapa perkara yang harus dititikberatkan dalam usaha membangunkan minda dan tindakan orang Melayu di Malaysia berdasarkan majalah al-Islah.*

**Kata Kunci** : *Kemunduran Orang Melayu, Islam dan Kemunduran, Majalah al-Islah*

---

\* Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid, Pensyarah di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

\*\* Hamidah binti Jalani, Calon Sarjana di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

## **ABSTRACT**

*Backwardness of the Malays is an issue that is often expressed, and from time to time since the days before independence. Efforts and plans have been implemented. Both the government and individuals trying to find causes and solutions to overcome this problem. Magazine Al-Islah (May 1970 - August 1974) also discussed the issue of backwardness of the Malays in this issue about the 70s. Therefore, this paper will show the magazine Al-Islah discussion on the issue of backwardness that are often influenced by a misunderstanding of the Malays to Islam, and will also mengenegahkan factors that caused the backwardness of the Malays fall based on their views and criticism of writer's article magazine Al-Islah. In conclusion, this paper suggests some things that should be emphasized to develop the minds and actions of the Malays in Malaysia based on the magazine Al-Islah.*

**Keywords:** *Backwardness of the Malays, Islam and backwardness, Magazine Al-Islah*

## **PENDAHULUAN**

Walaupun negara menjangkau abad ke 21, namun perbincangan dan perdebatan mengenai kemiskinan orang Melayu tidak pernah terhenti. Masalah kemiskinan dan kemunduran sering menjadi isu yang hangat diperkatakan oleh pemimpin negara, badan-badan kerajaan, NGO, tokoh-tokoh masyarakat dalam pelbagai medium termasuklah akhbar dan majalah. Semuanya membicarakan mengenai sosio ekonomi orang Melayu. Menurut Abdullah Haji Jaafar, salah satu faktor terpenting mengapa keadaan ini berlaku ialah kerana orang Melayu tidak mendapat bimbingan dan pimpinan yang sewajarnya dalam pelbagai aspek kehidupan mereka.<sup>1</sup>

Jika ditinjau secara mendalam, apakah faktor yang menyebabkan fenomena ini berlaku? Terdapat pelbagai andaian dan jawapan, antaranya ialah faktor agama yang menjadi tunjang kehidupan manusia. Jika agama itu difahami dengan baik dan sewajarnya, maka agama dapat melonjakkan manusia agar berusaha dan keluar dari kepompong kemiskinan namun

---

<sup>1</sup> Abdullah Haji Jaafar (1980), "al-Imam Dalam Nasionalisme Melayu", *Lembaran Akhbar Melayu*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, h. 7.

sebaliknya jika agama itu disalahertikan atau difahami dalam bentuk yang terpesong maka kehidupan manusia ini akan rosak dan sesat buat selamanya.

Latar perkembangan kefahaman masyarakat Melayu tentang agama Islam dapat dilihat dari dua sudut yang berbeza, pertama; bentuk kefahaman agama dari kalangan mereka sendiri yang didominasi oleh budaya hidup beragama yang telah diwarisi sekian lama dari nenek moyang mereka. Masyarakat Melayu dalam tahun 70-an malah sehingga kini masih sebatian dengan kepercayaan terhadap cerita-cerita tahyul, misteri, kisah-kisah jin dan pelbagai jenis hantu yang merosak dan membekukan pemikiran mereka. Penyakit ini semakin bersarang dan sebatian dalam masyarakat Melayu sehingga ada yang percaya ilmu-ilmu ini mempunyai kuasa-kuasa tersendiri.<sup>2</sup>

Manakala dari sudut kedua pula, wujudnya gangguan terhadap kelancaran perkembangan minda masyarakat Melayu akibat dari peninggalan budaya dan fahaman Barat terhadap Islam. Kesan penjajahan Barat terutama British amat besar mempengaruhi corak pemikiran masyarakat Melayu. Walaupun krisis Kristianisasi tidak berjaya ke atas orang Melayu dalam era penjajahan dahulu, tetapi menurut Indrawan Haji Mohd Yatim, ia sedikit sebanyak telah melambatkan proses penyuburan intelektualisme dan rasionalisme Islam serta melewatkan proses pengislaman sepenuhnya.<sup>3</sup>

Dalam membicarakan mengenai isu agama sebagai faktor keterencatan perkembangan orang Melayu, Drs. Imam Munawwir,<sup>4</sup> telah menggariskan beberapa gejala yang membawa kepada kemunduran masyarakat Islam. Pertama, kemunduran itu terjadi akibat daripada sikap umat Islam yang terlalu konservatif atau dengan kata lain merasa cukup dan selesa dengan apa yang mereka nikmati kini. Mereka bersikap pasif atau malas untuk bertindak secara rasional dalam menyelesaikan setiap permasalahan yang dihadapi. Mereka lebih cenderung untuk mempertahankan peraturan-peraturan yang sedia ada walaupun berdasarkan kepada susunan dan corak fikir yang sudah tidak sesuai lagi dengan zaman moden dengan alasan deduksi pengalaman masyarakat Islam harus berpijak di atas tradisi yang berusia hampir 1400 tahun yang lalu.

Kedua, kecenderungan golongan cendekiawan Melayu yang buta atau anti agama. Golongan ini banyak memperolehi pengetahuan bercorak kebaratan dan tidak memahami sama sekali tentang falsafah dan tasawwur Islam. Ketiga, peniruan yang melampau kepada segala pola kehidupan Barat.

---

<sup>2</sup> Dr Haji Faisal bin Haji Othman (1991), "Islam Dan Pembangunan Masyarakat Malaysia", *Islam Cabaran Dan Isu Semasa*, Ismail Abdul Rahman & Mohd Nasir Omar (ed.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 120.

<sup>3</sup> Indrawan Haji Mohd Yatim (2001), *Kebangkitan Islam Abad Ke 21 Renaissance Melayu*, Kuala Lumpur: Inter Perfection Sdn. Bhd., h. 136.

<sup>4</sup> Drs. Imam Munawwir (1985), *Kebangkitan Islam Dan Tantangan-Tantangan Yang Dihadapi Dari Masa Ke Masa*, Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD, h. 130-136.

Kecemerlangan teknologi moden yang dipelopori oleh Barat telah menimbulkan minat untuk mengikuti prinsip hidup dan sistem sosial ala Barat, yang akibatnya membawa pengaruh dalam hidup dan kehidupan yang cukup luas di kalangan masyarakat Islam. Maka akibatnya berlaku kehancuran moral dan nilai bangsa serta penentangan terhadap segala batas dan ikatan, baik akhlak mahupun agama.

Keempat, timbulnya perpecahan di kalangan umat Islam yang ketara seolah-olah akal waras mereka telah hilang. Perbezaan kaum dan etnik telah membentuk suatu jurang yang besar di dalam kehidupan umat Islam. Kelemahan ini telah digunakan sepenuhnya oleh kolonial Barat untuk memperkotak-katikan umat Islam berdasarkan suku, keturunan, kedudukan dan kekayaan sehingga ikatan agama menjadi retak dan lebur. Selain beliau, beberapa penulis turut mengemukakan pandangan tentang sebab kemiskinan umat Islam. Antaranya Kassim Ahmad menyatakan kemunduran itu berpunca daripada kelemahan ekonomi umat Islam<sup>5</sup> manakala majalah *al-Manar* pula menegaskan bahawa ianya berpunca dari corak pemikiran yang sempit, katanya;

*“Pemikiran merupakan asas terpenting dalam kehidupan sesuatu bangsa. Ia bukti kepada kesuburan dan kemajuan atau kebekuan dan kemunduran bangsa. Bangsa yang tinggi nilai pemikiran memperlihatkan kesedaran dan tindakan politik yang tinggi dan matang, kedudukan ekonomi yang cemerlang dan kehidupan kemasyarakatan yang bertamadun. Sebaliknya negara yang rendah pemikirannya memperlihatkan kemunduran dalam semua bidang”.*<sup>6</sup>

Selain tokoh di atas, turut tampil beberapa tokoh Melayu yang lain memperjuangkan nasib orang-orang Melayu. Antara mereka ialah Syeikh Mohd Tahir Jalaluddin al-Azhari, Sayed Syeikh Ahmad al-Hadi, Haji Abbas Mohd Taha dan Syeikh Mohd Salim al-Kalali dan ramai lagi. Hasil dari kesedaran serta pengaruh kebangkitan Islam di Timur Tengah, mereka dengan penuh azam dan tekad ingin menjalankan reformasi kepada masyarakat Melayu terutamanya berkait dengan kefahaman agama Islam.

Namun persoalan demi persoalan cuba dibangkitkan tentang kaedah dan pendekatan yang digunapakai dalam menyuarakan hasrat perubahan ini.

---

<sup>5</sup> Kassim Ahmad (1970), “Bila Dan Manakah Universiti Islam Malaysia!?”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, bil. 11, jil. 1, 15 Julai 1970, h. 19.

<sup>6</sup> Abu Ammar (1998), “Serangan Pemikiran Dan Penguasaan Yahudi Ke Atas Media”, *Majalah al-Manar*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, bil. 2, Januari-Jun 1998, h. 9.

Bagaimanakah jalannya untuk menyedarkan masyarakat Melayu seluruhnya? Dan bagaimanakah caranya untuk menyuarakan tuntutan, kritikan serta rintihan orang-orang Melayu kepada pihak pemerintah?<sup>7</sup> Akhirnya timbul kesedaran bahawa masyarakat Melayu itu sebenarnya memerlukan alat sebaran am sebagai media penyampai dan lidah rasmi kepada perubahan. Maka di awal abad ke-20 yang lalu lahirlah majalah dan akhbar seperti *al-Imam*<sup>8</sup>, *al-Manar*, *Saudara* dan *Pengasuh* yang digarap dengan kritikan, herdikan, desakan, pujukan dan sebagainya agar masyarakat Melayu sentiasa sedar akan kemunduran bangsanya sendiri dalam segenap aspek terutamanya hal pelajaran anak bangsanya.

Sekitar 1900-an, majalah-majalah ini mula menunjukkan taring menggesa pelbagai pihak dalam memperbaiki permasalahan masyarakat Melayu. Masyarakat Melayu juga telah mula menunjukkan sikap yang positif terhadap gagasan ini. Namun pihak Inggeris, badan-badan kerajaan, organisasi dan orang perseorangan yang berkepentingan cuba bertindak mengekang kemunculan akhbar dan majalah Melayu-Islam, akibatnya kebanyakan akhbar dan majalah ini tidak dapat bertahan lama apabila berlakunya campur tangan dari pihak kerajaan agar diberhentikan penerbitannya. Sungguhpun majalah-majalah ini diberhentikan penerbitan, walaubagaimanapun sedikit sebanyak dilihat ia mampu menjentik minda masyarakat menyedari akan kemundurannya.

Dari dekad ke dekad pendekatan *islah* cuba diterapkan ke dalam minda Melayu, namun perkembangan *islah* ini sekali lagi mengalami pasang surutnya. Di mana sekitar pertengahan dekad 60-an keadaan masyarakat Melayu masih lagi mengalami nasib yang serupa seperti yang diperbincangkan oleh *al-Imam*. Keadaan ini berlarutan sehingga ke kemuncaknya dan ramai yang menyedari keadaan ini. Pelbagai cara dan kaedah diambil bagi menghidupkan semula semangat *islah* dalam usaha mengajak manusia ke arah kebaikan dan memperbaiki segala penyelewengan yang menghantui masyarakat Melayu khususnya di Malaysia.

Oleh itu, masyarakat memerlukan kepada pimpinan. "*Pimpinan ini dikenali dengan nama Islam, satu pimpinan yang menyatakan bahawa di*

---

<sup>7</sup> *Ibid.*, h. 8.

<sup>8</sup> Majalah ini merupakan majalah pembaharuan keagamaan yang pertama di Semenanjung Tanah Melayu dan senafas dengan aliran Muhammad Abduh dan *majalah al-Manar* di Kaherah. Diterbitkan di Singapura pada 22 Julai 1906. Antara pengarangnya ialah Syeikh Mohd Tahir Jalaluddin al-Azahari, Syed Syeikh bin Ahmad al-Hadi dan Haji Abbas bin Mohd Toha. Ditulis dengan huruf Jawi. Dicitak mula-mula oleh Matbaah Melayu Tanjung Pagar kemudian diambil alih oleh al-Imam Printing Company Ltd. Berukuran lebar 6.3 inci, panjang 8.6 inci. Mengandungi 32 halaman dan dikategorikan sebagai majalah bulanan. Penerbitannya diberhentikan pada 25 Dis 1908 iaitu selepas dua tahun beroperasi. Naskah tersimpan di Dewan Bahasa dan Pustaka.

*sebalik wujud yang nyata ini ada wujud Yang Maha Esa*”<sup>9</sup>, sebagai garis panduan setiap permasalahan. Di mana dengan pimpinan ini, maka masyarakat Islam terutamanya orang Melayu akan terpandu dalam usaha mengikis kemundurannya dalam pelbagai aspek. Maka dengan ini atas inisiatif Yusof Rawa maka lahirlah *al-Islah* (Feb 1970) sebagai kesinambungan kepada akhbar dan majalah yang diterbitkan sebelum ini.

### **PENERBITAN MAJALAH AL-ISLAH**

Majalah ini diberi nama *al-Islah* bersesuaian dengan namanya yang bertujuan memberikan suatu pembaikan dan pembaharuan ke atas masyarakat Islam di samping “*mendokong cita-cita yang cukup besar, membawa tanggungjawab yang cukup berat, ingin berbakti dan berkhidmat kepada ugama, bangsa dan tanah air*”.<sup>10</sup> *Al-Islah* diterbitkan “*bertujuan menyeru dan berdakwah selain menyeru umat berbuat baik dan melarang dari melakukan perbuatan-perbuatan munkar*”<sup>11</sup> dalam cita-cita mengabdikan diri di bidang dakwah Islamiah dalam bentuk tulisan. Ini kerana menurut pandangan *al-Islah* bahawa setiap hati manusia itu “*selalu melupai tugasnya dan konsep perjuangan hidupnya di muka bumi ini, ialah sebagai hamba Allah yang mesti dihiasi lembaran sejarah hidupnya dengan amal ibadah semata-mata kerana Allah s.w.t.*”<sup>12</sup>

Pelbagai permasalahan umat Islam semasa menjadi fokus dalam penerbitan majalah ini. *Al-Islah* dikatakan sering melontarkan beberapa permasalahan yang patut difahami oleh umat Islam dalam merealisasikan konsep perpaduan ummah. Tulisan dan garapan cendekiawan ini seakan-akan sebuah tingkap untuk kita menjenguk ke satu daerah yang jarang benar ditinjau, sama ada dari jauh ataupun dekat. Di tambah pula, penerbitan *al-Islah* juga dilihat sebagai usaha untuk menyebarkan gagasan reformasi dan semangat nasionalisme Melayu Islam yang cuba diterapkan dan mengasak pemikiran masyarakat Melayu ketika itu.

*“Oleh kerana itu, kepada seluruh umat negeri ini, baik dari pihak pemerintah dan rakyat jelata, cubalah renungkan sekurang-kurangnya dan cubalah bertindak untuk mengubah keadaan yang telah dan sedang dideritai oleh umat negeri ini dengan secepat mungkin,*

---

<sup>9</sup> Yusof Rawa (1971), “Lotus Dan Konsep Kehidupan”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, bil. 4, jil. 2, 1 April 1971, h. 19.

<sup>10</sup> Yusof Rawa (1970), “Lahir Di Tengah Kumandang Suara Suci”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, bil. 1, jil. 1, 15 Febuari 1970, h. 3.

<sup>11</sup> *Ibid.*

<sup>12</sup> Yusof Rawa (1970), “Mengucapkan Selamat Tahun Baru Hijriah 1390”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, bil. 3, jil. 1, 15 Mac 1970, h. 4.

*mengikut kemampuan dan kekuasaan yang ada pada kita, sebelum tibanya saat kehancuran... ”<sup>13</sup>*

*Al-Islah* diterbitkan di tengah bulanan dengan menggunakan sistem jilid dan bilangan ini sering mengutarakan pelbagai tema Islamik yang mampu menggarap minda pembaca. Dengan menggunakan sistem tulisan Jawi dan purata halaman 16 hingga 32 halaman diterbitkan dengan kekerapan dwi-mingguan bermula dari 15 Februari 1970 bersamaan 9 Zulhijjah 1389 H, 1 Mac 1970, 15 April 1970 dan seterusnya. Majalah ini diterbitkan oleh syarikat percetakan Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, Pulau Pinang dengan berukuran 7.2 x 10.1 inci dengan harga 30 sen senaskhah. Namun mulai jilid keempat sekitar tahun 1973, ukurannya telah ditukar kepada saiz yang lebih kecil iaitu 11 x 7.75 inci dengan harga yang sama.

Melalui *Majalah al-Islah* ini, matlamat reformasinya bukan sahaja untuk mempertahankan kehormatan dan maruah bangsa bahkan mencetuskan rasa kesedaran keagamaan mengenai tanggungjawab yang perlu dimainkan oleh warganegara dalam sesebuah negara.

*“Sungguh serasakan kita ini sedang melintas, melintasi satu segenting waktu, waktu peralihan, peralihan dari kala (period) kehilangan punca kepada kala kecemerlangan suasana, di mana dan bila mana syariat Allah kembali diterima dan undang-undang Allah kembali bergema dalam segenap percaturan hidup kita”.*<sup>14</sup>

Melalui bahan penerbitan seperti majalah ini, pelbagai isu yang diketengahkan oleh para cendekiawan yang kebanyakannya berkisar mengenai bidang ilmu pengetahuan dan pendidikan, kemasyarakatan, politik, ekonomi, falsafah, sejarah dan sejarawan, sastera serta fenomena kehidupan masyarakat itu sendiri. Manakala konsep penulisannya pula, penerbit menegaskan bahawa majalah ini mempunyai kebebasan dalam bentuk penyampaiannya. Apa yang penting kebenaran yang hakiki itu perlulah diutamakan di dalam setiap aspek.

Kehangatan *al-Islah* mula dirasai oleh setiap masyarakat terutamanya generasi berpendidikan Islam. Yusof Rawa sendiri pernah menyatakan bahawa *“umat Islam di Malaysia harus menjadikan tahun 1970*

---

<sup>13</sup> *Ibid.*

<sup>14</sup> Yusof Rawa (1972), “Sepanjang Manakah Lagi...Kiranya?”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, bil. 9 & 10, jil. 3, 15 Jun/1 Julai 1972, h. 14.

*M/1390 H sebagai tahun memulakan gerakan dakwah yang lebih cergas, lebih dinamis daripada gerakan di dalam tahun-tahun yang sebelumnya<sup>15</sup> dan terbitan ini adalah atas dasar dakwah bukannya atas dasar komersil... ”<sup>16</sup>*

Namun kehangatan yang diharap sampai ke petang, tiba-tiba mendung di tengah jalan. Pemikiran yang dibawa Yusof Rawa dalam usaha membangkitkan kesedaran umat Islam Malaysia kepada perlunya kembali kepada Islam dalam penjelasan kontemporari tergendala. Keluarannya telah digantung buat seketika atas dasar kepentingan politik pemerintah. Sebagai seorang pemimpin dalam parti pembangkang, kehadiran *al-Islah* dikhuatiri menjadi propaganda politik kepada PAS. Sehingga sekitar Ogos 1974 majalah ini diberhentikan penerbitan buat selama-lamanya.

## **SALAH FAHAM AGAMA SEBAGAI FAKTOR KEMUNDURAN**

Dalam kertas ini, hanya akan difokuskan kepada persoalan yang berkaitan dengan agama sebagai punca kepada kemunduran dan akhirnya membawa kepada kemiskinan umat Islam di Malaysia. Dapatlah disimpulkan bahawa empat perkara yang difokuskan oleh *al-Islah* dalam membincangkan isu kemunduran dan kemiskinan dari faktor agama, (i) keimanan yang terpesong terhadap ajaran agama, (ii) cara fikir yang menyimpang, (iii) kegagalan atau kebekuan metode dakwah dan (iv) peranan institusi masjid sebagai wadah penggerak ummah. Perbincangan ini adalah sebagai sebahagian dari usaha mencari penyelesaian kepada kemunduran yang melanda orang Melayu dulu hingga kini. Kerana kita percaya bahawa apa saja permasalahan yang berlaku pasti ada jalan penyelesaiannya asalkan kita cuba berusaha dan bertanya, kata Yusoff Rawa “*Alam ini tidaklah terlalu sempit, sehingga terdorong kepada kebuntuan, jalan keluar tentu ada, kalau kita mencari petua, akan banyaklah kita mendapatinya, kalau kita meminta petua, banyaklah pula kita diberi*”.<sup>17</sup>

### **i. Keimanan Yang Terpesong**

Apa yang berlaku dalam masyarakat Islam kini adalah bertitik tolak dari kepincangan memahami ajaran Islam dan kerapuhan iman terhadap Allah. Kegagalan dalam menghayati tuntutan keimanan yang sebenar dikenalpasti sebagai punca utama kepada gejala *fasad* seperti perjudian, gejala rasuah, budaya samseng, malah berkerja, suka berhibur dan sebagainya menjadi isu

---

<sup>15</sup> Yusof Rawa (1970), “Mengharapkan Hijriah 1390 Ini Dijadikan Tahun Berdakwah”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, bil. 4, jil. 1, 1 April 1970, h. 4.

<sup>16</sup> Yusof Rawa (1973), “Dari Meja Pengarang”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, bil. 1 & 2, jil. 4, 15 Februari/ 1 Mac 1973, h. 2.

<sup>17</sup> Yusof Rawa (1971), “Menyongsong Penubuhan Pusat Latihan Dakwah Malaysia”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, bil. 11, jil. 2, 15 Julai 1971, h. 15.



utama kritikan dan teguran *al-Islah*. Oleh itu, menurut Yusof Rawa, umat Islam seharusnya kembali kepada ajaran Islam yang sebenar dengan menimbulkan keyakinan kepada Allah yang mempunyai kuasa tertinggi dalam membebaskan manusia dan masyarakat dari segala bentuk keburukan dan kezaliman. Sebaliknya keburukan, *fasad* dan kezaliman akan bermula apabila seseorang manusia itu menolak keimanan daripada Allah dalam erti keimanan sebenar.

Menurut beliau keadaan ini terjadi kerana kebanyakan dari kita adalah hasil didikan Barat yang mudah sekali mengikut Barat, apa sahaja yang disarankan oleh pakar-pakar dari Barat ditelan walaupun ianya tidak sesuai dan bercanggah dengan norma Islam. Maka tidak hairanlah jika diperhatikan pada masa ini betapa liarnya manusia daripada agama, dengan munculnya pelbagai ragam muda mudi yang kurang menyenangkan mata memandangnya, batas sosial akhlak sudah runtuh dan nilai kerohanian telah berkecai lebur.

Dalam artikel "*Kesan-Kesan Iktikad Dalam Masyarakat*" membicarakan secara ringkas mengenai kesan terhadap individu dan masyarakat Islam yang menggabai dan salah tafsir mengenai konsep cara hidup Islam. Mengapa harus apabila manusia telah mencapai kemajuan, ketamadunan dan kejayaan maka seiring dengan itu berlakulah dengan hebatnya keruntuhan moral bagi umatnya? Kemusnahan, kecaman jiwa, keruntuhan akhlak, kesedihan dan kesengsaraan membelenggu kehidupan, ketidakadilan dalam pengagihan harta yang membawa kepada kemiskinan. Persoalan demi persoalan dilontarkan mengapa perkara ini terjadi. Menurut Abdul Rasyid Long :

*"Yang demikian terjadi akibat kesan-kesan iktikad dalam masyarakat, kerugian yang ditempuh oleh masyarakat dunia kerana tidak ada panduan iktikad dalam menggunakan tenaga tabi'i mereka. Menolak kekuasaan Allah Taala yang kekal berkuasa atas seluruh alam, lalu mengambil benda dan bertuhankan kepada benda itu, mengikatkan diri dengan yang tidak kekal dan lemah, kadang-kadang nafsulah yang memandu mereka, meskipun kekuasaan yang mengatasi segala kuasa itu ialah kekuasaan tuhan".<sup>18</sup>*

*Al-Islah* menyarankan agar setiap muslim itu sewajarnya kembali kepada Allah dan sentiasa mengingatnya supaya segala apa jua perolehan dari pelbagai macam pengetahuan maka (tauhid) kepada Allah inilah yang

---

<sup>18</sup> Abdul Rasyid Long (1970), "Kesan-Kesan Iktikad Dalam Masyarakat", *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 6, jil. 1, 1 Mei 1970, h. 17.

memandu umat Islam agar tidak mengikuti jalan yang rugi, jalan yang dilalui oleh orang-orang yang sesat. Kembali kepada roh kesedaran bahawa segala kesan-kesan yang merugikan itu hendaklah dibuang dari bersarang dalam iktikad dan jadikanlah agama Islam itu ideanya dan anutan hidup dan barangsiapa berpegang dengannya ialah yang berpegang kepada tuhannya dan jalan kesempurnaan hidup yang moden (*way of life*) yang akan membentuk masyarakat moden yang berteraskan iktikad tauhid.

## ii. Cara Berfikir Yang Songsang

*Al-Islah* melihat bahawa mental atau corak berfikir umat Islam perlu diperbetulkan sejajar dengan kehendak Islam. Segala kerosakan yang berlaku dalam masyarakat Melayu kini adalah bertitik tolak dari cara berfikir yang menyimpang atau silap selain dari akidah yang terpesong seperti yang dinyatakan di atas. *Al-Islah* menegaskan bahawa “pada hari-hari kebelakangan ini orang-orang pada keributan membicarakan revolusi mental. Pengubahan mentaliti tentunya, mentaliti orang kita sudah terlalu buruk kiranya, mesti direvolusikan”.<sup>19</sup>

Dalam zaman moden ini, siapa yang rajin berusaha maka jalan kemajuan itu akan terbentang luas di hadapan mereka. Kepesatan sains dan teknologi seharusnya digunakan dengan sabaiknya agar segala kurniaan Allah dapat dimanfaatkan dengan sabaiknya. Namun masih terdapat di kalangan orang Melayu tahun 70-an masih teguh berpegang kepada prinsip “Secupak takkan jadi segantang” dalam konsep meraih kemajuan diri dan bangsa. *Al-Islah* menegur corak dan cara fikir orang Melayu yang songsang ini dengan katanya

*“Secupak takkan jadi segantang”. Oleh sebab kita sangat-sangat berghairah di dalam pembangunan material/fizikal, maka kata-kata itu telah dipandang, diberi penilaian dari segi spiritualnya. Oleh sebab pepatah itulah- kononnya - maka kita terpengaruh menjadi malas, mundur dan ketinggalan...”*<sup>20</sup>

Dalam persoalan ini, *al-Islah* menyelar sikap sesetengah pihak yang sering berpeluk tubuh dan malas untuk mengusahakan sesuatu yang mendatangkan faedah kepada diri dan bangsanya:

*“Padahal kata-kata itu sungguh berhikmah dari segi apa pun...bagaimana anda hendak tahu yang habuan anda*

---

<sup>19</sup> Yusof Rawa (1971), “Sesungguhnya Allah Tidak Akan Mengubah Nasib Sesuatu Kaum Sehingga Ia Mengubahnya Sendiri”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, bil. 1, jil. 2, 15 Februari 1971, h. 3.

<sup>20</sup> Yusof Rawa (1973), “Secupak Tidak Jadi Segantang”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, bil. 7 & 8, jil. 4, 15/1 Jun 1973, h. 5.

*secupak atau segantang, sekiranya anda duduk berpeluk tubuh tidak bergerak, berusaha mencari-carinya?. Tentulah mesti berusaha, bekerja, bertungkus lumus ke arah mendapatkannya...Kalau sudah pun berusaha bersungguh-sungguh, dan pada zahirnya anda mesti berhabuan segantang...tetapi malangnya oleh sesuatu sebab, lalu terdapat secupak sahaja, maka kata-kata hikmah itu menjadi satu penawar ajaib yang menyejukkan hati, menenangkan perasaan jiwa daripada menjadi seorang manusia yang kecewa atau frust...<sup>21</sup>*

Dan dalam memperkatakan konsep Islam pula, beliau menyatakan bahawa barangkali satu daripada sebab kemunduran masyarakat Islam di Malaysia ini terdapat pada sikap atau konsep bagaimana kita hidup beragama.

*“...sebab-sebab kemunduran masyarakat Islam di Malaysia ini terdapat pada sikap atau konsep kita kepada ugama, ibadah, kahwin mengahwin, kematian, puasa, zakat dan fitrah. Juga masyarakat umum lain-lainnya di Malaysia ini mempunyai pandangan yang sempit kepada ugama. Oleh sebab orang Islam sendiri telah salah gunakan ugamanya, manakah boleh masyarakat lain cenderung kepada cara-cara dan disiplin Islam”<sup>22</sup>.*

Justeru itu, bagi menyelesaikan masalah ini beliau menyarankan agar kita menetapkan suatu konsep dalam tatacara beragama. Islam, bukanlah hanya agama yang bersifat ibadah ritual semata-mata bahkan ia lebih dari itu. Islam adalah satu sistem penghidupan setiap waktu yang merangkumi segala bidang kehidupan manusia. Oleh itu, jika kita menggunakan disiplin Islam yang suci nescaya masyarakat tidak patut ketinggalan dalam segala bidang yang diceburi.

### **iii. Pendekatan Dakwah**

*Al-Islah* menggambarkan bahawa setiap individu dalam masyarakat bolehlah diumpamakan seperti kanak-kanak yang tidak tahu membezakan sebarang kebaikan dan keburukan akibat dari kejahilan mereka tentang tuntutan agama dan juga tidak terlepas dari kongkongan hawa nafsu yang menyebabkannya sentiasa tersasar dari landasan yang sebenar. “*Manusia di dunia ini ternyata*

---

<sup>21</sup> *Ibid.*

<sup>22</sup> *Ibid.*

seperti kanak-kanak sahaja, dalam bentuk apa sahaja, bentuk bangsa besar atau bentuk bangsa kecil, ataupun bentuk-bentuk yang entah apa lagi. Oleh pengaruh hawa nafsu, maka ia melakukan kesalahan atau kezaliman”.<sup>23</sup> Jesteru itu, *al-Islah* melihat bahawa bangsa Melayu perlu diperbetulkan dan dibimbing ke jalan yang benar. Untuk menangani permasalahan ini, setiap individu perlu mengambil peranan aktif dalam memperbetulkan sikap dan tingkahlaku masyarakat sendiri. Tugas ini tidak sahaja terpikul di bahu para pendakwah sahaja bahkan ianya merupakan tugas semua.

Keperluan dan kepentingan ini bukan sahaja disuarakan oleh *al-Islah* malah turut dirasai akan kepentingannya oleh Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu iaitu Tun Abdul Razak menegaskan dengan kata-katanya :

*“Mubaligh-mubaligh Islam perlu diberi latihan sebelum menjalankan dakwah, sesuai dengan keadaan zaman supaya mereka dapat menjalankan usaha tersebut dengan lebih berkesan lagi”.*<sup>24</sup>

Membayangkan akan kepentingan dakwah yang betul dan tersusun dalam merubah nasib bangsa maka *al-Islah* cuba menyiarkan beberapa artikel yang menyentuh akan kepentingan dakwah Islam secara betul, rapi, profesional, dan terorganisasi. Antaranya tulisan dari Muhammad Nasir yang menyentuh tentang kepentingan dakwah dengan panjang lebar menyatakan mengenai *Adab dan Peraturan Dalam Dakwah Islam* yang mana rencana ini ditujukan khas kepada para calon-calon mubaligh dan mubaligh Islam dalam mempersiapkan diri menjadi seorang mubaligh yang berkualiti.

*“...kekuatan dakwah seseorang mubaligh tergantung kepada kekuatan hujahnya yang diterima oleh akal yang sihat, dan daya panggilnya yang dapat menjemput jiwa dan rasa. Kedua-duanya bergantung pada i). Persiapan mental. ii). Persiapan Ilmiahnya. iii). Kaifiat dan adab dakwahnya...”*<sup>25</sup>

Menurutnya lagi, seseorang mubaligh itu seharusnya memelihara ketenangan dan keseimbangan jiwa dan sanggup pula memulihkan keseimbangan tersebut apabila rasa terganggu dengan tindakan dan tekanan yang dihadapi. Mubaligh juga diingatkan agar jangan cepat bersifat sesak nafsunya apabila terdapat individu yang menolak, mendustakan dan

---

<sup>23</sup> Yusof Rawa (1971), “Menyongsong Penubuhan Pusat Latihan Dakwah Malaysia”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, bil. 11, jil. 2, 15 Julai 1971, h. 3.

<sup>24</sup> *Ibid.*, h. 15.

<sup>25</sup> Muhammad Nasir (1970), “Adab Dan Peraturan Dalam Dakwah Islam”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, bil. 3, jil. 1, 15 Mac 1970, h. 9.

mencemuh segala kebenaran yang dibawahnya. Hendaklah kita bersikap sabar dan tidak berputus asa dalam usaha menyeru ke arah kebenaran seperti mana yang pernah dilakukan oleh junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w..

Begitu juga Ahmad Sufian, mahasiswa di Fakulti Syariah, Universiti Islam Sumatera Utara dengan jelas dan tegas menyatakan tentang kelemahan-kelemahan perjalanan dakwah dan strategi yang digunakan oleh mubaligh-mubaligh di Malaysia.

*“Usaha dakwah Islam Di Malaysia hari ini kurang lancar disebabkan kurangnya mubaligh yang mendalam tentang seluk belok pendakwahan”.*<sup>26</sup>

Pendakwahan ini merupakan suatu yang amat penting dan berkewajipan untuk dilaksanakan. *“Bagi Islam usaha dakwah adalah kewajipan, melaksanakannya pula adalah melaksanakan kewajipannya”.*<sup>27</sup> Justeru itu, Yusof Rawa menyarankan agar permasalahan ini tidak boleh diletakkan di atas peranan mubaligh semata-mata tetapi juga perlu dipertimbang oleh setiap hierarki dalam masyarakat terutamanya oleh golongan pemerintah.

*“Usaha-usaha dakwah bukanlah semata-mata ditujukan kepada orang-orang yang belum Islam, bahkan di samping usaha yang bersungguh-sungguh ke jurusan tersebut itu, usaha yang tak kurang daripada itu seharusnya ditujukan juga ke kalangan orang Islam sendiri secara menyeluruh, sama ada rakyat jelata, mahupun pemuka-pemukanya, sama ada pemuka-pemuka dalam kepegawaian mahupun pemuka-pemuka dalam kemasyarakatan, apalagi pemuka-pemuka dalam kenegaraan. Sebab telah diperkatakan orang ‘rakyat adalah menurut agama pemerintahannya’, jika orang yang berkuasanya beragama maka mudahlah mewujudkan rakyat yang beragama”.*<sup>28</sup>

#### **iv. Peranan Institusi Masjid**

Dalam memperkatakan tentang kelemahan fungsi institusi masjid pada masa ini, Usmat Asim menyatakan bahawa masjid pada hari ini telah kehilangan fungsi sebenarnya. Keadaan ini berbeza dengan keadaan institusi masjid ketika di zaman Rasulullah dan para sahabat. Jauh berbeza keadaan masjid

---

<sup>26</sup> Yusof Rawa (1971), “Menyongsong Penubuhan Pusat Latihan Dakwah Malaysia”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang : Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 11, jil. 2, 15 Julai 1971, h. 15.

<sup>27</sup> *Ibid.*

<sup>28</sup> *Ibid.*

suatu ketika dahulu dengan realiti pada hari ini. Jika dahulu masjid berkumandangnyanya setiap minggu khutbah-khutbah yang membantahi segala kemungkaran menyeru kepada bersatu, mengajak ke arah kebaikan dan membangkang segala kezaliman, namun kini institusi masjid seperti kehilangan fungsinya.

Mengapa keadaan ini berlaku? Usmat Asim memetik kata-kata Prof. Dr. Mustafa al-Suba'ie seorang pengarang buku *Sosialisme Islam* dari Universiti Damsyik yang menyatakan :

*"Kalau ternyata masjid-masjid hari ini gagal dalam menjalankan tugasnya yang agung itu, oh... itu semua bukanlah lain daripada kesalahan penanggungjawab-penanggungjawab sesuatu tempat – dalam erti kecilnya sebuah qariah, besarnya sebuah negeri dan lebih besarnya lagi sebuah negara. Kesalahan para khatibnya yang tak tahu tanggungjawabnya, yang lalai leka dengan umpan dan upahnya..."*<sup>29</sup>

Oleh itu, menurutnya setiap khatib yang dipertanggungjawabkan sebagai pemimpin di dalam solatnya, hendaklah tegas di atas dasar kebenaran, sebagai pakar dalam ilmu-ilmu agama, ikhlas terhadap Allah dan rasulnya serta menasihatkan umat-umat muslimin seluruhnya agar kembali dan menjadikan masjid sebagai sumber bagi kemajuan dalam dasar kemasyarakatan dan penghidupan. Masjid hendaklah dikembalikan fungsinya yang sebenar untuk menjalankan tugas mendidik pemuda-pemudi Islam, mengeluarkan pejuang bangsa, mengislahkan (mereformasikan) yang telah rosak, memerangi kemungkaran dan membangunkan masyarakat di atas dasar takwa dan keredhaan Allah s.w.t..

Usaha masjid bukan sekadar menjadi pusat untuk melakukan ibadat ritual secara tradisi seperti solat, zikir, dan majlis ilmu malah menjangkau lebih dari itu sebagai sebuah pusat kebudayaan dan aktiviti setempat yang mengalakkan ahli *qariah* berinteraksi sesama mereka dalam segala aspek kehidupan. Masjid seharusnya mampu memancarkan cahaya harapan kepada semua mereka yang memerlukan sama ada cahaya iman atau harapan sebuah kehidupan yang sering merundung kehidupan orang miskin dengan memberi pelbagai bantuan material dan moral.

---

<sup>29</sup> Usmat Asim (1970), "Masjid Dahulu, Sekarang Dan Akan Datang", *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang : Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 6, jil. 1, 1 Mei 1970, h. 15 & 18.

## **KESIMPULAN**

Justeru itu dari perbincangan di atas dapatlah dibuat suatu kesimpulan bahawa banyak faktor yang menyebabkan berlakunya kemunduran dalam masyarakat namun hanya empat faktor sahaja yang dapat dibincangkan dalam kertas ini, iaitu (1) Melayu untuk mencapai hasrat dan tanggungjawab dalam memperjuangkan menegakkan *daulah Islamiyyah* dengan penuh kesedaran bukanlah suatu perkara yang mudah. Pelbagai rintangan terpaksa dihadapi dan memerlukan kepada persiapan-persiapan yang menyeluruh. Persiapan dalam pembangunan fizikal dan organisasi, persiapan kesedaran, pemikiran, keilmuan serta kesediaan rohaniah yang tinggi dan kesetiaan kepada perjuangan berlandaskan syariat menjadi peneraju utama sesuatu kejayaan yang hakiki. Persiapan-persiapan ini amat perlu kerana *pertarungan sebenar masa kini dan pertarungan sebenar masa depan adalah pertarungan minda.*<sup>30</sup>

Oleh itu, Yusof Rawa menyatakan bahawa setiap permasalahan yang timbul itu perlu kepada jalan penyelesaian dengan mengenal segala punca kerosakan, punca penyakit dan sebab kepada kemusnahan sesuatu permasalahan. Permasalahan jiwa dan punca sampingan perlu dibajai semula dengan keimanan dan ketakwaan kepada Allah agar menjadi benteng ketahanan yang kukuh dalam menyemai semangat kehidupan beragama dan bermasyarakat.

Dengan ini diharap, cubaan penulis dalam perbincangan mengetengahkan *al-Islah* dalam memberi penyedaran kepada para pembaca terutamanya kepada masyarakat Melayu Islam akan terlaksana dan tercapai. Tidak ada yang mustahil, ini kerana menurut *al-Islah*, segala bentuk permasalahan itu akan dapat diselesaikan selagi kita berusaha untuk mencari jalan penyelesaian. Kritikan dan cadangan yang dibincangkan di atas sebenarnya masih relevan untuk direnungkan buat umat Melayu pada hari ini.

## **BIBLIOGRAFI**

- Abdul Rasyid Long (1970), "Kesan-Kesan Iktikad Dalam Masyarakat", *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 6, jil. 1, 1 Mei 1970.
- Abdullah Haji Jaafar (1980), "al-Imam Dalam Nasionalisme Melayu", *Lembaran Akhbar Melayu*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.

---

<sup>30</sup> Datuk Seri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak, Ucapan Dasar Presiden UMNO di Perhimpunan Agung Ke-60 bertempat di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putera (PWTC) pada 15 Oktober 2009.

- Abu Ammar (1998), “Serangan Pemikiran Dan Penguasaan Yahudi Ke Atas Media”, *Majalah al-Manar*, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, bil. 2, Januari-Jun 1998.
- Datuk Seri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak, Ucapan Dasar Presiden UMNO di Perhimpunan Agung Ke-60 bertempat di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putera (PWTC) pada 15 Oktober 2009.
- Dr Haji Faisal bin Haji Othman (1991), “Islam Dan Pembangunan Masyarakat Malaysia”, *Islam Cabaran Dan Isu Semasa*, Ismail Abdul Rahman & Mohd Nasir Omar (ed.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Drs. Imam Munawwir (1985), *Kebangkitan Islam Dan Tantangan-Tantangan Yang Dihadapi Dari Masa Ke Masa*, Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD.
- Indrawan Haji Mohd Yatim (2001), *Kebangkitan Islam Abad Ke 21 Renaissance Melayu*, Kuala Lumpur: Inter Perfection Sdn. Bhd.
- Kassim Ahmad (1970), “Bila Dan Manakah Universiti Islam Malaysia!?”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, bil. 11, jil. 1, 15 Julai 1970.
- Muhammad Nasir (1970), “Adab Dan Peraturan Dalam Dakwah Islam”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, bil. 3, jil. 1, 15 Mac 1970.
- Usmat Asim (1970), “Masjid Dahulu, Sekarang Dan Akan Datang”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang : Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 6, jil. 1, 1 Mei 1970.
- Yusof Rawa (1970), “Lahir Di Tengah Kumandang Suara Suci”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, bil. 1, jil. 1, 15 Februari 1970,
- Yusof Rawa (1970), “Mengharapkan Hijriah 1390 Ini Dijadikan Tahun Berdakwah”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, bil. 4, jil. 1, 1 April 1970.
- Yusof Rawa (1970), “Mengucapkan Selamat Tahun Baru Hijriah 1390”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, bil. 3, jil. 1, 15 Mac 1970.
- Yusof Rawa (1971), “Lotus Dan Konsep Kehidupan”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, bil. 4, jil. 2, 1 April 1971.
- Yusof Rawa (1971), “Menyongsong Penubuhan Pusat Latihan Dakwah Malaysia”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, bil. 11, jil. 2, 15 Julai 1971.
- Yusof Rawa (1971), “Menyongsong Penubuhan Pusat Latihan Dakwah Malaysia”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, bil. 11, jil. 2, 15 Julai 1971.



- Yusof Rawa (1971), “Menyongsong Penubuhan Pusat Latihan Dakwah Malaysia”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang : Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 11, jil. 2, 15 Julai 1971.
- Yusof Rawa (1971), “Sesungguhnya Allah Tidak Akan Mengubah Nasib Sesuatu Kaum Sehingga Ia Mengubahnya Sendiri”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, bil. 1, jil. 2, 15 Febuari 1971.
- Yusof Rawa (1972), “Sepanjang Manakah Lagi...Kiranya?”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, bil. 9 & 10, jil. 3, 15 Jun/1 Julai 1972.
- Yusof Rawa (1973), “Secupak Tidak Jadi Segantang”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, bil. 7 & 8, jil. 4, 15/1 Jun 1973.
- Yusof Rawa (1973), “Dari Meja Pengarang”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, bil. 1 & 2, jil. 4, 15 Febuari/ 1 Mac 1973.